 <b>UTHM</b> <small>Universiti Tun Hussein Onn Malaysia</small>	No. Rujukan Dokumen	<b>GPPT-04</b>	No. Mukasurat	<b>1/4</b>
			Edisi	<b>1</b>
	Nama Dokumen	<b>Garis Panduan Pengurusan Tenaga : Jawatankuasa Pelaksana Pengurusan Dan Kecekapan Tenaga Universiti</b>	No. Semakan	<b>1</b>
			Tarikh Efektif	

# **GARIS PANDUAN PENGURUSAN TENAGA: JAWATANKUASA PELAKSANA PENGURUSAN DAN KECEKAPAN TENAGA UNIVERSITI**

*(Energy Management Committee)*

---

## **1.0 TUJUAN**

Tujuan Garis Panduan ini digubal adalah untuk menjelaskan berkaitan penubuhan dan pengurusan Jawatankuasa Pelaksana Pengurusan dan Kecekapan Tenaga Universiti (JPPKTU).

## **2.0 SKOP**


Garis panduan ini terpakai ke atas penubuhan dan pengurusan Jawatankuasa Pelaksana Pengurusan dan Kecekapan Tenaga Universiti (JPPKTU).

## **3.0 RUJUKAN**

- 3.1 *ISO 50001: 2018 Energy Management System (EnMS).*
- 3.2 *Energy Management Gold Standard (EMGS).*

## **4.0 DEFINISI / TAKRIFAN**

- Universiti - Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
- PTj - Pusat Tanggungjawab
- JPKTU - Jawatankuasa Pengurusan dan Kecekapan Tenaga Universiti
- JPPKTU - Jawatankuasa Pelaksana Pengurusan dan Kecekapan Tenaga Universiti
- EAC - *Energy Accounting Centre* yang merujuk kepada kumpulan bangunan-bangunan atau mana-mana bangunan atau mana-mana kawasan yang diwujudkan bagi tujuan pemantauan dan pelaksanaan aktiviti pengurusan tenaga Universiti


	No. Rujukan Dokumen	<b>GPPT-04</b>	No. Mukasurat	<b>2/4</b>
			Edisi	<b>1</b>
	Nama Dokumen	<b>Garis Panduan Pengurusan Tenaga : Jawatankuasa Pelaksana Pengurusan Dan Kecekapan Tenaga Universiti</b>	No. Semakan	<b>1</b>
			Tarikh Efektif	

## 5.0 PENUBUHAN


- 5.1 Penubuhan JPPKTU adalah di bawah tanggungjawab JPKTU.
- 5.2 Penubuhan JPPKTU bertujuan untuk mewujudkan kumpulan kerja yang bertanggungjawab bagi merancang, menyelaras, memantau dan melaksanakan aktiviti berkaitan pengurusan tenaga di peringkat EAC.
- 5.3 Pembentukan EAC diperuntukkan secara terperinci dalam Garis Panduan Pengurusan Tenaga: Strategi Pelaksanaan.
- 5.4 Pengurusan setiap EAC akan diselaraskan di peringkat JPPKTU.

## 6.0 STRUKTUR ORGANISASI

- 6.1 Pelantikan ahli JPPKTU adalah di bawah bidang kuasa Pengerusi JPKTU iaitu Naib Canselor.
- 6.2 JPPKTU hendaklah dipengerusikan oleh Pengurus Tenaga Universiti.
- 6.3 Setiap EAC akan diketuai oleh seorang Penolong Pengurus Tenaga.
- 6.4 Penolong Pengurus Tenaga hendaklah dilantik dari dalam kalangan staf Universiti yang berjawatan Gred 41 dan ke atas.
- 6.5 Keahlian JPPKTU adalah dari dalam kalangan wakil PTj yang merupakan Penyelaras Tenaga PTj dan Penolong Penyelaras Tenaga PTj.
- 6.6 Pelantikan Penyelaras Tenaga PTj dan Penolong Penyelaras Tenaga PTj adalah berdasarkan pencalonan daripada Ketua PTj.
- 6.7 Penyelaras Tenaga PTj hendaklah terdiri dari kalangan ahli PTj yang berjawatan Gred 41 dan ke atas.
- 6.8 Pengurus Tenaga Universiti bertanggungjawab memastikan JPPKTU berfungsi sepertimana yang digariskan di dalam garis panduan ini.
- 6.9 Penolong Pengurus Tenaga, Penyelaras Tenaga PTj dan Penolong Penyelaras Tenaga PTj bertanggungjawab membantu Pengurus Tenaga memastikan JPPKTU berfungsi sepertimana yang digariskan di dalam garis panduan Garis Panduan ini.
- 6.10 Rajah 1 menunjukkan konsep asas struktur JPPKTU.

	No. Rujukan Dokumen	<b>GPPT-04</b>	No. Mukasurat	<b>3/4</b>
	Nama Dokumen	<b>Garis Panduan Pengurusan Tenaga : Jawatankuasa Pelaksana Pengurusan Dan Kecekapan Tenaga Universiti</b>	Edisi	<b>1</b>
			No. Semakan	<b>1</b>
			Tarikh Efektif	


6.11 Dokumen berkaitan penubuhan dan pelantikan ahli JPPKTU hendaklah direkodkan dan disimpan bagi tujuan rujukan.



**Rajah 1: Cadangan Konsep Asas Struktur JPPKTU**

## 7.0 FUNGSI DAN TANGGUNGJAWAB JAWATANKUASA

- 7.1 JPPKTU bertanggungjawab menyelaras dan melaksanakan aktiviti bagi meningkatkan tahap kesedaran berkaitan pengurusan dan kecekapan tenaga di peringkat EAC.
- 7.2 JPPKTU bertanggungjawab memantau corak penggunaan tenaga dan merancang pelan tindakan penjimatan elektrik di EAC.
- 7.3 JPPKTU bertanggungjawab menyediakan dan menguruskan Sudut Tenaga di PTj.

 <b>UTHM</b> <small>Universiti Tun Hussein Onn Malaysia</small>	No. Rujukan Dokumen	<b>GPPT-04</b>	No. Mukasurat	<b>4/4</b>
			Edisi	<b>1</b>
	Nama Dokumen	<b>Garis Panduan Pengurusan Tenaga : Jawatankuasa Pelaksana Pengurusan Dan Kecekapan Tenaga Universiti</b>	No. Semakan	<b>1</b>
			Tarikh Efektif	


- 7.4 JPPKTU bertanggungjawab melaksanakan *Training Need Analysis* bertujuan mengenalpasti latihan/kursus/program yang diperlukan oleh ahli JPPKTU dan ahli PTj bagi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran berkaitan pengurusan dan kecekapan tenaga.
- 7.5 JPPKTU bertanggungjawab melapor dan memberi cadangan bagi sebarang tindakan / langkah penambahbaikan berkaitan pengurusan dan kecekapan tenaga kepada JPKTU.
- 7.6 JPPKTU bertanggungjawab melakukan semakan semula pengurusan bagi menambahbaik gerak kerja JPPKTU.

## 8.0 PERJALANAN MESYUARAT


- 8.1 Mesyuarat JPPKTU hendaklah diadakan sekurang-kurangnya empat (4) bulan sekali.
- 8.2 Agenda mesyuarat hendaklah merangkumi dan tidak terhad kepada (Rujuk GPPT-04-01):
- pembentangan rekod penggunaan dan petunjuk prestasi tenaga EAC (Rujuk GPPT-04-01, Jadual 1 dan Rajah 2);
  - pembentangan penggunaan tenaga harian EAC (data dari DPM) (Rujuk GPPT-04-01, Rajah 3);
  - laporan pelaksanaan aktiviti berkaitan pengurusan dan kecekapan tenaga termasuk kempen kesedaran, latihan, kursus dan program EAC; dan
  - perbincangan berkaitan pelan tindakan aktiviti pengurusan dan kecekapan tenaga EAC.
- 8.3 Satu (1) salinan minit mesyuarat yang telah disahkan perlu dimajukan kepada JPKTU dalam tempoh masa dua (2) minggu selepas disahkan bagi tujuan semakan dan rekod.

**Jadual 1: Contoh petunjuk prestasi tenaga EAC-01**

Bulan	Penggunaan (kWh)	Purata penggunaan (kWh)	Sasaran penjimatan berbanding penggunaan 2016	Pencapaian
Jan	794,422		-	-
Feb	589,458		5%	
Mar	528,845		10%	
Apr	498,103		20%	
May			25%	
Jun			25%	
Jul			25%	
Aug				-
Sep				
Oct				
Nov				
Dec				



**Rajah 2: Contoh penggunaan tenaga dan petunjuk prestasi tenaga EAC**



**Rajah 3: Contoh penggunaan tenaga harian EAC (data dari DPM).**